

24/11/1998

Wisma Putra panggil duta Amerika

KUALA LUMPUR, Isnin - Wisma Putra hari ini memanggil Duta Amerika Syarikat ke negara ini, John R Mallot, bagi menyampaikan pandangan Malaysia berhubung sokongan Naib Presidennya, Al Gore, terhadap gerakan reformasi menentang kerajaan.

Bagi menyampaikan pendirian Malaysia itu, Setiausaha Rendah Bahagian Amerika Wisma Putra, Datuk John Tenewi Nuek, mengadakan pertemuan tertutup selama setengah jam dengan Mallot.

"Kita mengulangi pendirian Malaysia bahawa ucapan Gore itu merupakan hasutan dan bukan gesaan berkaitan demokrasi sebagaimana didakwa.

"Kita juga tidak dapat menerima tindakan Mallot mengaitkan proses pilihan raya demokratik dengan era Hitler dan Stalin. Jika mana-mana negara boleh berkata apa saja terhadap negara lain, ia boleh mewujudkan peraturan rimba," kata Nuek selepas pertemuan itu di Wisma Putra.

Pada majlis makan malam Sidang Kemuncak Perniagaan Apec di sini minggu lalu, Gore melahirkan sokongan terbuka terhadap gerakan reformasi di negara ini dan menyifatkan penyokong gerakan itu sebagai orang `berani' di negara ini.

Kenyataan itu dilahirkan di hadapan pemimpin politik dan perniagaan Apec, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kenyataan Gore itu kemudian disahkan oleh Rumah Putih dan turut menerima sokongan Presiden Bill Clinton.

Beberapa hari selepas itu, dalam wawancara dengan sebuah akhbar tempatan berbahasa Inggeris, Mallot mempertahankan tindakan Gore.

Dalam wawancara itu, ketika ditanya adakah proses pilihan raya di negara ini tidak demokratik, Mallot menjelaskan pilihan raya tidak menggambarkan bahawa sesebuah negara itu sebagai demokratik.

Bagaimanapun, Nuek dan Mallot bersetuju hubungan Malaysia-Amerika masih utuh demi faedah kedua-dua pihak.

Sementara itu, Mallot menjelaskan, orang ramai harus meneliti dengan cermat kenyataan Gore itu, selain kenyataan beliau sendiri.

Katanya, amat penting bagi mana-mana pihak untuk tidak menyalah tafsir kenyataan itu.

"Saya rasa kenyataan umum itu amat jelas," katanya ketika ditemui sebelum meninggalkan Wisma Putra.

Mallot turut menganggap hubungan Malaysia-Amerika amat penting dan pertemuan dengan Nuek diadakan dalam keadaan yang lebih baik dan mesra.

Beliau juga memahami pelbagai reaksi yang ditunjukkan selepas kenyataan itu dan "memahami mengapa sesetengah orang menjadi terlalu emosional".

"Tetapi masyarakat tidak boleh menyalah tafsir kenyataan itu. Pada masa seumpama ini, sebagai masyarakat bertanggungjawab, kita mesti berusaha untuk bertenang dan memahami betapa pentingnya hubungan kita," katanya.

Mallot juga menjelaskan bahawa Gore tidak menyatakan sesuatu yang boleh ditafsir cuba mencetuskan keganasan atau meminta orang ramai bertindak ganas.

"Amerika tidak menerima keganasan, tidak menyokong orang yang menggunakan keganasan dan tidak bersetuju dengan tindakan keganasan untuk mencapai matlamat politik," katanya.

Beliau juga memahami jika rakyat Malaysia tidak bersetuju dan membantah kenyataan Naib Presidennya.

"Saya faham kerana sudah menetap di negara ini selama tiga tahun," katanya sambil berharap pada masa yang sama mereka harus bersikap adil

terhadap kenyataan orang lain dan tidak menyelewengkannya.
(END)